

10 FEB 1997

Jalan-Institut

MASAAM CADANG SUPAYA INSTITUSI LATIHAN MEMANDU KHUSUS DIWUJUDKAN

PULAU PINANG, 10 Feb (Bernama) -- Persatuan Pemasang dan Pengedar Motosikal dan Skuter Malaysia (MASAAM) mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan institusi atau pusat latihan memandu khas bagi semua jenis kenderaan di negara ini sebagai langkah membendung peningkatan kemalangan jalan raya.

Pengerusinya, Syed Mohamed Aidid berkata, institusi seumpama itu telahpun dilaksanakan di Singapura dan Jepun dan didapati berkesan dalam memberikan pendidikan secara teori dan praktikal mengenai cara-cara pemanduan berhemat.

Idea ini akan dibincangkan secara terperinci pada mesyuarat persatuan itu di Kuala Lumpur selepas cuti perayaan ini sebelum dikemukakan kepada kerajaan dan berharap ia dapat dilaksanakan secepat mungkin bagi mengelakkan kehilangan lebih banyak nyawa di jalan raya terutamanya di kalangan penunggang dan pembonceng motosikal.

Ketika bercakap di persidangan berita di sini, beliau berkata, berdasarkan operasi pusat latihan memandu/menunggang motosikal di Singapura, pusat itu dikendalikan kakitangan terlatih sepenuh masa dan mengambilkira pelbagai aspek keselamatan serta pembentukan disiplin diri yang tinggi.

Latihan ini perlu diberikan kepada pemandu baru memandangkan latihan yang mereka perolehi melalui sekolah memandu kini tidak mencukupi serta agak singkat dan ini mengakibatkan pemandu kurang memahami konsep keselamatan di jalan raya, katanya.

Beliau berkata, pihaknya bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa bagi menjayakan cadangan ini dan membantu mengkaji semula sistem ujian memandu sekiranya dirasakan perlu.

Apa yang penting ialah pemandu mengubah sikap mereka dan menghargai nyawa yang dianugerahkan tuhan serta tidak mensia-siakannya hanya dengan berlumba atau memperjudikannya di jalan raya, katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas rasa kesal yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap statistik yang menunjukkan penunggang dan pembonceng motosikal merupakan golongan paling banyak terlibat dalam kemalangan jalan raya terutama pada musim perayaan.

Sehubungan itu, Syed Aidid menasihati para penunggang motosikal supaya lebih berhati-hati dan memastikan semua peralatan motosikal dalam keadaan yang baik sebelum memulakan perjalanan, memakai jaket pantulan cahaya, tidak memandu ketika letih dan memandu secara berhemat.

Sehingga Mei 1996, sebanyak 7.2 juta kenderaan didaftarkan di seluruh negara dan daripada jumlah itu 3.75 juta ialah motosikal, kereta persendirian (2.67 juta), kenderaan kargo (465,974), teksi (48,142), bas (37,233), kereta sewa (9,234) dan kenderaan lain (215,644), katanya.

Beliau menjangkakan jumlah kenderaan berdaftar di negara ini meningkat kepada 7.4 juta menjelang akhir tahun ini. -- BERNAMA

ZU PR